

Ikuti kami

Follow us

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Public Service Department

Perkembangan Terkini

Our Latest Updates

facebook
PASKOM

Foto/Aktiviti/Tips
Photos/Events/Tips



facebook JPA

Iklan/Tawaran/Pekeliling
Advertisements/Offers/Circular



twitter JPA2day

Foto/Aktiviti/Tips
Photos/Events/Tips



Instagram JPA2day

Foto/Aktiviti/Tips
Photos/Events/Tips



Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Mohamad Zabidi Zainal

@ZabidiZainal



Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Sharifah Zarah



Dato' Seri Zainal Rahim Bin Seman
Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Operasi)

Zainal Rahim Bin Seman

@ZainalRahimS



Maklumat lanjut, sila layari:

Further information please visit:

www.jpa.gov.my

03-8000 8000



Bahan Berita Sumbangan: Warga JPA

Penerbitan : Pasukan Komunikasi, Jabatan Perkhidmatan Awam

Percetakan : Unit Dokumentasi, Jabatan Perkhidmatan Awam

Buletin ini juga boleh dilayari secara digital di Portal JPA

Isu Kali Ini >>>

- ◆ RAMAH TAMAH TRANSFORMASI
SHOWCASE SIRI 2
- ◆ PERHIMPUNAN BULANAN JPA
BAGI JULAI 2014
- ◆ PERANAN JPA DALAM
MALAYSIAN CRISIS
INTERVENTION TEAM (MCIT)



KUPASAN PERJALANAN TRANSFORMASI JPA

SEKITAR



ISU
06
21 JULAI - 13 Ogos

RAMAH TAMAH TRANSFORMASI SIRI 2

21 Julai 2014 (Isnin) - Bahagian Transformasi Sektor Awam (BTSA) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sekali lagi telah menganjurkan **Program Transformation Showcase : Ramah Tamah Transformasi** bertempat di ruang lobi Kompleks C2, JPA. Program siri kedua ini diadakan rentetan daripada kejayaan Program **Transformation Showcase : Kick Off** yang berlangsung pada 25 Jun 2014 yang lalu.



Sumbangan berita di
muka surat sebelah >>>

SAMBUNGAN...
RAMAH TAMAH TRANSFORMASI SIRI 2



Tema yang dipilih pada kali ini adalah kemesraan suasana Hari Raya Aidilfitri. Sehubungan itu, pengisian program ini telah menggunakan istilah-istilah lazim semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri seperti Gema (Pembentangan Pembentangan Teras Strategik oleh Wakil Teras); Juadah (Pameran mengenai pencapaian Inisiatif Transformasi JPA); Bonanza (Permainan Interaktif melibatkan Pengurusan Perubahan); dan Blockbuster (Paparan video berkaitan program di bawah Inisiatif Transformasi JPA).

Program yang bermula jam 9.30 pagi sehingga jam 4.30 petang ini juga turut dimeriahkan dengan majlis pelancaran Kaunter JPA4U yang merupakan salah satu inisiatif transformasi JPA di bawah Teras 3 iaitu 'Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam'.

Program yang dianjurkan buat kali kedua ini juga menyaksikan segmen Juadah iaitu pameran mengenai pencapaian Inisiatif Transformasi JPA akan berlangsung selama tiga (3) hari berturut-turut sehingga ke hari Rabu, 23 Julai 2014, dari jam 9.30 pagi sehingga 4.30 petang. Menariknya, pameran ini dijalankan serentak di ruang lobi Kompleks C1 dan C2.

Program yang berjalan dalam suasana mesra dan harmoni ini telah melibatkan semua bahagian di JPA termasuk INTAN serta para pelanggan JPA yang hadir untuk mendapatkan perkhidmatan di kaunter JPA4U.

YBhg. Tan Sri bersama-sama dengan pengurusan tertinggi JPA telah meluangkan masa untuk melawat pameran dan mendengar persembahan oleh wakil-wakil setiap Teras Strategik serta berinteraksi dengan para pelanggan di kaunter-kaunter JPA4U yang sedang beroperasi.

Penganjuran program kali ini diharap dapat memberi kefahaman dan kesedaran kepada warga JPA supaya bersama-sama berganding bahu memperkasakan Agenda Transformasi Negara dalam usaha menjadi sebuah negara maju yang disegani di persada antarabangsa serta menjadikan perkhidmatan awam yang diyakini oleh seluruh rakyat.



Muhammad Salleh Misdi (Pesara)
Saya mendapat perkhidmatan yang baik dan mesra pelanggan. Saya amat terharu dengan perkhidmatan yang diberikan pada hari ini.

Klithen dari Kajang
Saya datang ke JPA atas urusan pencen bapa saya. Layanan sini terbaik dan cepat. Saya amat berpuas hati.

Azirah Mustafa dari INTAN
Program berjalan dengan lancar dan mengikut tema yang telah ditetapkan. Warga JPA yang hadir mengetahui pelan transformasi yang sedang berlaku

Faiz Farhan dari KL
Saya datang ke JPA untuk bertanyakan berkaitan *scholarship* JPA. Saya rasa lobi selesai bagi pengunjung yang datang dan *servis* pelanggan pantas dan terbaik.



**TEKS PUISI YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI BIN ZAINAL
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN JPA JULAI TAHUN 2014
PUISI "PANJI TRANSFORMASI"
21 JULAI 2014 (ISNIN), 9.30 PAGI
AUDITORIUM JPA 2**

Dari Kedah ke Putrajaya,
Beratus sungai hamba lalui;
Terima kasih tuan pengacara,
Semoga majlis penuh berseri.

Ramadan adalah bulan nan bersih,
Mencurah nikmat berkat segala;
Kedua-dua TKPPA yang hamba kasih,
Sekalung budi atas jasa.

Sebelum hamba meneruskan madah,
Izinkan hati menyampai hajat;
Kepada Encik Surendran Tuan
Pengaroh,
Semoga majlis tuan mendapat berkat.

Dari Kelantan ke tanah Jawa,
Mencari sagu buat bekalan;
Terima kasih tuan pembicara,
Dato' Dr. Asyraf Wajdi yang kita raikan.

Bulan Syawal kurang tiga pekan,
Akan berkumandanglah gema takbir;
Warga JPA yang saya muliakan,
Sungguh sentiasa meniti di bibir.

Kita mempasak panji transformasi
di tanah pertiwi tempat berdiri
gagah perkasa penuh berani
kuasai minda kehendak diri.

Kita diselubung rasa duka
dahulu tanah air kita ditawan
orang kita menjadi hamba
orang putih menjadi tuan.

Dahulu kita pernah tersungkur
kerana dianggap tidak bersyukur
kita disuap seperti tekukur
dibidas ke tanah jatuh menggelupur.

Kita pernah diulit lena
kerana merasa terlalu selesa
bangunlah sekalian pembela nusa
membela rakyat, agama dan bangsa.

Dahulu kita adalah kotak
disusun tinggi bertingkat-tingkat
kotak di atas paling hebat
kotak di bawah menjadi berat.

Cukuplah sudah menjadi kotak
kini masa menjadi kertas
kalau dulu kita lambat-lambat
kini kita pantas-pantas.

Kemudian kita bangkit,
biar susah sedikit demi sedikit
bina upaya segenap detik
jati diri teguh berbukit.

Kita memaku papan bahtera
sambil menyeka peluh di muka
kita ingat kepayahan lama
menjadi azimat ke puncak jaya.

Dahulu kita pernah tersungkur
kerana dianggap tidak bersyukur
kita disuap seperti tekukur
dibidas ke tanah jatuh menggelupur.

Kita pernah diulit lena
kerana merasa terlalu selesa
bangunlah sekalian pembela nusa
membela rakyat, agama dan bangsa.

Dahulu kita adalah kotak
disusun tinggi bertingkat-tingkat
kotak di atas paling hebat
kotak di bawah menjadi berat.

Cukuplah sudah menjadi kotak
kini masa menjadi kertas
kalau dulu kita lambat-lambat
kini kita pantas-pantas.

Kemudian kita bangkit,
biar susah sedikit demi sedikit
bina upaya segenap detik
jati diri teguh berbukit.

Kita memaku papan bahtera
sambil menyeka peluh di muka
kita ingat kepayahan lama
menjadi azimat ke puncak jaya.

Mengail ikan di atas dermaga
jangan dikail ikan kecil
kita bekerja mestilah setia
amalkan integriti tingkatkan hasil.

Hari ini kita menyanyi satu nada
satu simfoni himpunan irama
bangunkan bakat bina negara
tunjukkan dunia kitalah juara.

Ramadan hadir di sebalik Syaaban
kedua-dua bulan di lindung tuhan
raikan Ramadan, ganjaran berterusan
semarakkan amalan, teruskan perjuangan.

Mari kita merenung sejenak
melihat bumi yang berkat
tugas dan tanggungjawab di pundak
laksanakanlah dengan penuh hikmat.

Ambang Syawal penuh barakah
gandakan amal, tingkatkan sedekah
bina bakat, kukuhkan ukhuwah
khidmat kepada rakyat budi diserah.


Ke angkasa kita membuana
menjunjung transformasi ke batu jemala
zaman bahari sudah sirna
merakyat khidmat malar sentiasa.

Santun beradab beralas afiat
tanda adiwira putra perkasa
JPA memegang mandat
manira memahat jasa.

Malaysia negaraku bangsanya maju
ekonomi makmur terus berpadu.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamu alaikum Warahmatullahi
Wabarokatuh. Terima kasih.

**Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
21 Julai 2014
Putrajaya**



*Hari Raya Aidilfitri hari kemaafan,
Sanak saudara sahabat taulan,
Memupuk perpaduan sesama insan,
Mengikat persaudaraan dan keakraban.*

*Buah pauh di tengah bendang,
Jadi dagangan di tengah kota,
Mereka yang jauh datang bertandang,
Bermaaf-maafan sesama kita.*

*Ikhlas daripada,
Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*

MAJLIS BERBUKA PUASA & PENYAMPAIAN SURAT KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI JAKIM



Pada 24 Julai 2014, telah diadakan Majlis Berbuka Puasa serta Penyerahan Surat Pemangkuhan Oleh Yang Berbahagia (YBhg.) Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara kepada Pegawai Hal Ehwah Islam di Dewan Masjid Putra, Putrajaya.

Seramai 190 orang pegawai JAKIM yang telah menerima Surat Pemangkuhan daripada Yang Berbahagia Tan Sri KSN.

Selesai Majlis Penyerahan, YBhg. Tan Sri KSN dan YBhg. Tan Sri KPPA mengambil peluang berbuka puasa bersama-sama warga JAKIM bagi mengeratkan lagi silaturrahim antara penjawat awam.

Majlis seperti ini merupakan salah satu inisiatif program 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' yang sering diuar-uarkan oleh YBhg. Tan Sri KSN.

FORUM INTEGRITI DI INTAN KAMPUS WILAYAH TIMUR (INTIM)



Pada 20 Julai 2014, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam telah menganjurkan Forum Integriti 2014. Forum ini telah diadakan di INTAN Kampus Wilayah Timur (INTIM), Kemaman, Terengganu dan dihadiri lebih daripada 500 orang penjawat awam daripada pelbagai agensi dan jabatan di sekitar negeri Pahang & Terengganu serta peserta Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA).

Forum ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Mazlan bin Yusoff, Pengarah INTAN mewakili Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Dalam sesi forum ini, penceramah telah menekankan aspek-aspek integriti, jujur, amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas di samping menerangkan kesan dan akibat hasil daripada sikap penjawat awam yang tidak berintegriti kepada Negara dan masyarakat.

Bantuan Intervensi Krisis Kepada Keluarga Penumpang dan Krew MH17

Tanggal 17 Julai 2014, dunia digemparkan dengan insiden pesawat MH17 milik Malaysia Airlines (MAS) terhempas di Ukraine. Pesawat MH17 ini berlepas dari Amsterdam pada 12.15 tengahari (waktu tempatan) dan sepatutnya tiba di Kuala Lumpur pada pukul 6.10 pagi Jumaat (18 Julai 2014) dengan membawa seramai 283 orang penumpang dan 15 orang anak kapal.

Malaysian Crisis Intervention Team (MCIT) telah bertindak menyalurkan bantuan psikologi kepada semua keluarga mangsa yang terlibat. MCIT diketuai oleh YBrs. Dr. Abdul Halim bin Mohd Hussin, Pengerusi MCIT yang juga Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA. Di bawah payung MCIT seramai 30 orang Pegawai Psikologi Malaysian Crisis Intervention Team (MCIT) di bawah JPA, iaitu 20 orang dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 10 orang Pegawai Psikologi dari pelbagai Kementerian dan Jabatan yang telah dan sedang berkhidmat di Hotel Marriot, Putrajaya untuk membantu ahli keluarga.

Tujuan bantuan psikologi kepada keluarga mangsa adalah seperti berikut :-

- Mendekati ahli keluarga penumpang serta menyelami emosi setiap ahli keluarga dengan mendengar luahan perasaan dari pihak keluarga
- Mententeramkan ahli keluarga penumpang yang mengalami tekanan emosi dan untuk menerima apa jua kemungkinan yang akan berlaku
- Memberi sokongan dan kekuatan kepada ahli keluarga dari aspek emosi dan juga psikospiritual.

Selain mengurus dan memberi perkhidmatan psikologi kepada ahli keluarga mangsa yang terlibat, MCIT juga berperanan sebagai penyelaras lawatan ihsan dari pemimpin negara dan ketua-ketua jabatan. Antara pemimpin negara yang terlibat dalam lawatan adalah DYMM Yang Dipertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyidin Yasin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, menteri-menteri kanan dan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan.

Sehingga kini, MCIT masih beroperasi menyediakan perkhidmatan intervensi krisis kepada keluarga mangsa yang terlibat. Selain menyediakan perkhidmatan kaunseling di Hotel Marriot Putrajaya, anggota MCIT turut membuat lawatan ke rumah keluarga mangsa di mana setiap keluarga mangsa telah dipadankan dengan seorang anggota MCIT.



Sisipan Khas >>>

ETIKA PEMAKAIAN KORPORAT WARGA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM



Garis panduan pemakaian korporat perlu bagi mewujudkan keseragaman (uniformity) dan mempamerkan imej warga JPA. Garis panduan pemakaian adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan hendaklah digunakan bersama-sama dengan pekeliling dan surat-surat pekeliling seperti berikut :

- Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1985 – Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai Awam
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 – Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadapi Upacara Rasmi
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 – Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada Hari Khamis
- Surat Edaran 15 Mac 2005 – Galakan Memakai Baju Kebangsaan Pada Hari Jumaat Kepada Semua Pegawai Lelaki Beragama Islam.

Garis panduan yang berbentuk buku kecil akan diterbitkan untuk rujukan bersama tidak lama lagi. Sama-sama kita nantikan kemunculannya!

